



NOTIS PEMBERITAHUAN

MAJLIS PERBANDARAN KLUANG
WISAM MAJLIS PERBANDARAN KLUANG
JALAN KOTA TINGGI,
86000 KLUANG

KEPADA: SEMUA PENJAJA / PENIAGA PASAR MALAM, PASAR PAGI, FOOD TRUCK, PERMIT SEMENTARA DAN SEUMPAMANYA DI BAWAH KENDALIAN MAJLIS PERBANDARAN KLUANG

TARIKH : 17 MAC 2020

SILA AMBIL PERHATIAN Sebagaimana kandungan Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Malaysia berkaitan pandemik COVID-19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020, semua premis perniagaan adalah **DIARAHKAN TUTUP** sepanjang tempoh berkenaan **KECUALI** perniagaan perkhidmatan penting negara atau ('essential services') seperti:

- | | | | |
|------------------|---------------|----------------|-------------------|
| • Air | • Minyak | • Kesihatan | • Pembersihan |
| • Elektrik | • Gas | • Farmasi | • Peruncitan |
| • Tenaga | • Bahan Api | • Bomba | • Bekalan Makanan |
| • Telekomunikasi | • Pelincir | • Penjara | • Pos |
| • Penyiaran | • Pelabuhan | • Pengangkutan | |
| • Kewangan | • Keselamatan | • Pengairan | |
| • Perbankan | • Pertahanan | | |

Perintah larangan tersebut juga meliputi aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Semua rumah ibadat dan premis perniagaan hendaklah ditutup, kecuali pasar raya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barangan keperluan harian.

Oleh yang demikian, pentadbiran MPK juga mengambil keputusan untuk menutup semua aktiviti Penjajaan, Pasar Malam, Pasar Pagi, Food Truck dan seumpamanya di bawah kendalian Majlis Perbandaran Kluang sebagai menyokong pelaksanaan perintah kawalan pergerakan tersebut bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020. Pengusaha dan peniaga diminta mematuhi arahan ini selaras dengan JPU 18(3) dalam Undang-Undang Kecil Penjaja (MPK) 2012

Kerjasama yang diberikandan tindakan tuan/puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Dengan Perintah

Yang Dipertua

MAJLIS PERBANDARAN KLUANG